

HUKUM RUQYAH MENGGUNAKAN RENJISAN ATAU BILASAN AIR KE ATAS KENDERAAN BARU, RUMAH BARU, BINATANG ATAU SEBAGAINYA DARI SUDUT PANDANGAN SYARAK

Mukaddimah.

Ruqyah merupakan satu kaedah rawatan yang diamalkan oleh perawat-perawat perubatan Islam dalam merawat pesakit-pesakit melalui pembacaan ayat-ayat Al-quran, selawat serta doa-doa samada yang *ma'thur* daripada Rasulullah SAW, ataupun doa-doa yang disusun oleh ulama yang masih dalam ruang lingkup Syariat Islam. Kaedah *ruqyah* ini juga diamalkan samada untuk mengubati manusia, mahupun *meruqyah* benda-benda tidak bernyawa (*jamadat*) dan binatang.

Contoh amalan masyarakat di Malaysia ialah, membuat bacaan Yasin apabila memasuki rumah baharu (samada merenjis air ataupun tidak), merenjis kenderaan yang baru dibeli, mandi air yang telah diruqyah dan lain-lain.

Secara umumnya kebanyakan ulama membenarkan amalan ini berdasarkan kepada dalil dalil di bawah:

Dalil-dalil al-Quran dan Hadis.

1. Secara umumnya ayat-ayat al-Quran ini merupakan *Syifa* ataupun penyembuh bagi segala penyakit dan segala kemudharatan. Dengan kelebihan tersebut, air menjadi bukti Mukjizat ayat-ayat Al-Qur'an yang dapat menghidupkan sesuatu, menurut firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٌّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : "Dan Kami jadikan dari air segala sesuatu yang hidup, apakah mereka tidak percaya (beriman)?" (Surah Al Anbiya : 30)

2. Firman Allah SWT lagi :

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Dan Kami turunkan daripada Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya," (Surah al-Isra': 82)

Rahmat yang terdapat dalam ayat di atas itu termasuklah perlindungan daripada kemalangan dan penyakit Ain. Seperti bacaan Surah Yasin dan diletakkan bersama air di tengah halaqah pembacaan Surah Yasin yang menjadi amalan masyarakat Islam melayu kita.

Penyakit *Ain* ialah satu penyakit yang berpunca daripada pandangan mata yang diiringi dengan sifat iri hati atau rasa takjub terhadap apa yang dipandang. Ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, sama ada daripada orang yang dengki, orang yang dicintai, orang yang jahat ataupun orang yang soleh. Sebahagian ulama juga berpendapat bahawa penyakit ini tidak hanya menimpa kepada manusia sahaja bahkan ia boleh menimpa kepada haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa “*al-jamadaat*” seperti pokok, batu, kereta dan seumpamanya.

3. Dalam sebuah hadis, Nabi SAW pernah menghabarkan berkenaan dengan penyakit ‘ain ini, ia merupakan sesuatu yang benar dan apabila seseorang diminta untuk dimandikan bagi menyembuhkan penyakitnya itu, maka Sabda Baginda SAW:

الْعَيْنُ حَقٌّ وَلَوْ كَانَ شَيْءٌ سَابِقُ الْقَدَرِ سَبَقْتُهُ الْعَيْنُ وَإِذَا اسْتُغْسِلْتُمْ فَاغْسِلُوا

Maksudnya: “ *Penyakit al-Ain itu benar. Jika ada sesuatu yang menjangkaui qadar maka ‘ainlah (yang dapat menjaungkauinya). Jika diminta kepada kamu untuk mandi (untuk penyembuhan), maka hendaklah kamu mandi*”. Riwayat Muslim (5831)

4. Pernah satu ketika, Rasulullah SAW menziarahi Tsabit bin Qais yang sakit lalu Rasulullah SAW bersabda, “*Hilangkanlah sakit wahai Tuhan Manusia pada Tsabit bin Qais bin Syammus*”. Kemudian baginda SAW mengambil tanah daripada Bathan (nama wadi) dan memasukkannya ke dalam bekas air kemudian baginda SAW menghembuskannya disertai dengan air kemudian baginda menuangkannya ke atas Tsabit Bin Qais. (*Sunan Abu Daud : Kitab at-Tibb*).
5. Hadis daripada Auf Bin Malik al-Asyjai’ telah berkata : “kami telah menggunakan kaedah jampi ini pada zaman jahiliyyah lagi”. Lalu kami bertanya kepada Rasulullah SAW : Ya Rasulullah, bagaimana pandangan kamu tentang kaedah perawatan ini? Lalu dijawab oleh Nabi SAW :

“اَعْرِضُوا عَلَيْ رُقَائِمْ، لَا بَأْسَ بِالرُّقَائِمِ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ”

Maksudnya: “*Tunjukkanlah jampi kamu kepada aku, tidak menjadi kesalahan dengan kaedah jampi tersebut, selagimana ia tiada unsur-unsur syirik (kepada Allah SWT).*” (Riwayat Muslim : 2200).

Pandangan-pandangan ulama.

1. Imam asy-Syaukani dalam kitabnya Tuhfah al-Zakirin telah menyatakan bahawa: “sesungguhnya orang arab, mereka menggunakan kaedah ruqyah dengan pelbagai kaedah penjampian. Dan Rasulullah SAW tidak pernah menetapkan perawatan ruqyah untuk penyakit ain ini kepada manusia Sahaja, bahkan diakukan juga kepada binatang dan sebagainya.”
2. Berkata Ibnu Hajar al-Asqalani dalam kitab Fathul Bari, jilid 10, hlmn. 230 berkenaan dengan حَقِّ الْعَيْنِ hadis daripada Abu Hurairah RA :

”أَيِّ الْإِصَابَةِ بِالْعَيْنِ شَيْءٌ ثَابِتٌ مُوْجُودٌ.....”

“ yang ditimpakan penyakit ain itu merupakan sesuatu yang berlaku secara realiti...”

Ditambah dengan pandangan Imam Nawawi menyatakan dalam hadis tersebut bahawa,
“penyakit ain ini merupakan satu perkara yang benar berlaku dan ada kemudharatan yang sangat kuat.”

3. Menurut Darul Ifta' Misriyyah, ruqyah yang berlandaskan syarak ini mestilah tertakluk dengan tiga syarat :
 - a. Hendaklah ruqyah itu menggunakan ayat-ayat al-Quran, doa-doa atau perkataan-perkataan yang baik.
 - b. Afdhalnya menggunakan bahasa arab(atau bahasa yang mudah difahami), tidak menggunakan perkataan-perkataan, lambang, bahasa yang tidak difahami(yang pelik).
 - c. Kesembuhan itu mestilah bersandarkan kepada Allah SWT, tidak kepada yang lain.

Secara keseluruhannya, ijmak ulama' dalam empat mazhab menyatakan bahawa harus hukumnya merawat menggunakan kaedah ruqyah ini. Begitu juga dengan penetapan syarat yang sama sebagai contoh daripada Ibnu Hajar al-Asqalani dalam Kitab Fathul Bari, jilid 10 hlmn. 222. (mazhab asy-Syafie), Hasyiah Ibnu A'bidin, jilid 6 hlmn. 57 (mazhab al-Hanafi), Kitab Fawaakih al-Dawani Imam al-Nafrawi, jilid 2 hlmn. 340 (

Mazhab Maliki) dan kitab al-Kasysyaaf al-Qina' Sheikh al-Buhuti, jilid 2 hlmn. 81 (Mazhab Hambali) dengan penetapan berikut :

" جواز الرقى بثلاثة شروط أن يكون بكلام الله تعالى أو بأسمائه وصفاته وباللسان العربي أو بما يعرف معناه من غيره وأن يعتقد أن الرقيقة لا تؤثر بذاتها بل بذات الله تعالى "

Bermaksud " Harus merawat dengan kaedah ruqyah ini dengan tiga syarat :

- a. Hendaklah meruqyah itu menggunakan ayat-ayat Quran, nama-nama Allah, sifat-sifat Allah.
- b. Hendaklah meruqyah itu di dalam bahasa Arab ataupun bahasa lain yang mudah difahami dan ketahui oleh orang lain.
- c. Hendaklah meruqyah itu tidaklah kerana zat yang lain, melainkan hanyalah kerana zat Allah SWT sahaja yang menyembuhkannya.

Sebagai irangan, Sheikh Ibnu Uthaimin, Sheikh Ibnu Jibrin, Sheikh Soleh Fauzan dan selainnya, berpandangan boleh menggunakan kaedah ruqyah bagi merawat penyakit ain ini termasuk selain daripada manusia, seperti binatang, kereta, rumah, bangunan dan sebagainya. Demikian juga Syeikh Nasiruddin Al-Albani, dalam kitabnya "Adab al-Zafaf fi al-Sunnati al-Muthohharah, hlm. 92 – 93 " , ditanya adakah ada dalam syarak ruqyah bagi barang baru beli seperti kereta? Lalu di jawab oleh al-Albani :

"نعم ؛ لما يرجى من خيرها ويخشى من شرها"

Bermaksud : " ya, tatkala kita mengharapkan sentiasa dalam kebaikan terhadap barang milik kita, begitu juga kita sentiasa ada perasaan bimbang berlaku keburukan terhadap barang milik kita (iaitu daripada penyakit ain)" .

Manakala golongan yang menolak ruqyah tersebut berhujahkan hujah seperti berikut:

1. Amalan tersebut adalah syirik kerana seseorang hendaklah meminta dari Allah SWT secara terus.
2. Perbuatan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW, jadi ia merupakan penambahan dalam agama iaitu bid'ah. Jika amalan tersebut ditinggalkan oleh Nabi SAW, maka wajib ditinggalkan oleh umatnya.

Pandangan tersebut ditolak oleh kebanyakan ulama kerana telah thabit keharusan *ruqyah* menggunakan ayat-ayat suci al-Quran, dan cara mengubatan menggunakan air. Semua tersebut masih dalam ruang lingkup ikhtiar yang dibenarkan oleh Syarak.

Al-Tark atau perkara yang tidak dibuat oleh Nabi Muhammad SAW bukanlah diharamkan oleh Syarak. Sebaliknya ia perlu dianalisis berdasarkan lima hukum (wajib, sunat, harus, makrug atau haram). Firman Allah SWT yang bermaksud dalam surah al-Hasyr ayat 7 :

وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^٤

Bermaksud : “Apa yang Rasul (Nabi Muhammad SAW) datangkan maka hendaklah pegangnya, apa yang dia melarang, maka tinggalkanlah!”.

Ayat ini jelas menunjukkan arahan mengambil apa yang jelas didatangkan oleh Nabi SAW, dan meninggalkan apa yang dilarang. Ayat ini tidak memperkatakan mengenai hukum perkara yang Nabi SAW tidak buat (tinggalkan). Oleh sebab itu, ulama mengatakan perkara yang Syarak senyap dalam memperkatakannya adalah rahmat kepada umat. Justeru, perkara yang disenyapkan oleh Syarak (tiada dalil dibuat atau ditinggalkan) perlu dikaji dan dianalisis berdasarkan kaedah Syarak.

Bacaan ruqyah.

1. Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِذَا تَرَوْجَ أَحَدُكُمْ أَمْرًاً أَوْ اشْتَرَى خَادِمًا فَلْيَقُلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَا وَخَيْرَ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ وَأَعُوذُ بِكَ
مِنْ شَرِّهَا وَمِنْ شَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ وَإِذَا اشْتَرَى بَعِيرًا فَلْيَأْخُذْ بِذِرْوَةِ سَنَامِهِ وَلْيَقُلْ مِثْلَ ذَلِكَ قَالَ أَبُو دَاؤِدُ
رَأَدَ أَبُو سَعِيدٍ ثُمَّ لَيَأْخُذْ بِنَاصِيَتِهَا وَلَيَدْعُ بِالْبَرَكَةِ فِي الْمَرْأَةِ وَالْخَادِمِ

Bermaksud : “Apabila salah seorang diantara kalian menikah atau membeli hamba maka hendaknya ia mengucapkan; (Ya Allah, aku memohon kepadaMu kebaikannya dan kebaikan sesuatu yang Engkau ciptakan dia padanya, dan aku berlindung kepada-Mu dari keburukannya dan keburukan sesuatu yang Engkau ciptakan dia padanya), dan apabila ia membeli unta maka hendaknya dia memegang bonggol unta dan mengucapkan seperti itu.” (Riwayat Abu Daud)

Bersandarkan kepada hadis ini, menyatakan hamba dan unta, namun boleh kita kiaskan dalam situasi semasa hari ini dengan kenderaan, tempat tinggal dan sebagainya. Oleh itu apabila kita membeli rumah baru, kereta baru atau sebagainya, maka boleh kita membaca doa diatas (di dalam hadis di atas). Kemudian disambung dengan surah-surah, doa-doa dan ayat-ayat al-Quran yang warid daripada Rasulullah SAW, seperti bacaan surah al-Fatiyah, awal ayat daripada surah al-Baqarah, surah al-Waqiah, surah al-Ikhlas 11 kali, akhir dua ayat daripada surah al-Baqarah, surah al-Falaq, surah al-Nas dan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

2. Menurut imam Ibnu Hajar al-Asqalani dalam kitab Fathul Bari jilid 4, hlm. 457 mengenai bacaan-bacaan Ruqyah, katanya :

"جواز الرقية بكتاب الله ويلتحق به ما كان بالذكر والدعاء المأثور، وكذا غير المأثور مما لا يخالف ما في المأثور، وأما الرقى بما سوى ذلك فليس في الحديث ما يثبته ولا ما ينفيه"

Bermaksud: " harus membaca ruqyah itu dengan ayat-ayat al-Quran diiringi dengan zikir dan doa yang ma'thur. begitu juga harus membaca yang tidak ma'thur selagi mana tidak lari daripada yang ma'thur walaupun tiada penetapan dan penafian di dalam Hadis Rasulullah SAW."

3. Kebiasaan di lakukan oleh ilmuan-ilmuan Melayu Islam atau Tok-Tok Guru Pondok samaada dalam bentuk berkumpulan atau perseorangan di Malaysia khususnya, membuat solat hajat, bacaan Yasin, Doa selamat dan sebagainya disamping meletakkan air di hadapan pembacaan tersebut, kemudian setelah selesai, air tersebut di jirus ke kenderaan atau setiap penjuru rumah dan sebagainya.

Perkara-perkara yang dilarang dalam ruqyah.

Dalam keadaan serba keharusan yang dikongsikan diatas, jangan kita lupa bahwasanya perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilakukan ketika proses ruqyah perlu kita ketahui supaya tidak melanggari sempadan syarak. Antara yang perlu diberi perhatian ialah :

1. Tidak menggunakan sebarang bentuk amalan sihir, ilmu hitum, tilik tenung, tukang nujum, ramalan tapak tangan dan silap mata.
2. Tidak boleh mengaitkan sesuatu pengeras dengan suatu akibat.
3. Tidak boleh percaya kepada sial mudarat yang menimpa seseorang atau diri.
4. Tidak boleh melakukan perkara-perkara yang berunsur syirik seperti semah pantai, sembelihan binatang dan lain-lain.
5. Tidak boleh menyembelih binatang untuk sesuatu tujuan yang bukan syar'ie.
6. Tidak boleh melakukan perbomohan atau bacaan tertentu yang menggunakan unsur-unsur meminta izin atau bantuan dari kuasa-kuasa makhluk 'ghaib' dalam acara perbomohan.
7. Tidak boleh menyajikan makanan untuk menjamu penunggu.
8. Tidak boleh mentaati bomoh atau seseorang pada perkara-perkara yang jelas bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.
9. Menolak sebarang syarat yang diberikan yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam.

Kesimpulan

Melihat kepada ulasan-ulasan diatas Jabatan ini berpandangan, harus hukumnya membaca ruqyah dengan kaedah merenjis atau membilas air ke atas kereta, rumah, binatang dan sebagainya. Kaedah ini ada asasnya jika kita sentiasa merujuk kepada pandangan-pandangan orang-orang soleh, umpama kata mufti mesir Sheikh Prof. Dr. Shauqi Ibrahim a'lam dalam laman sesawang Darul Ifta' Misriyyah :

"فَالْأَفْضَلُ أَنْ يُقْصَدُ الصَّالِحُونَ مَمْنُ عُرِفَتْ أَمَانَتُهُمْ وَعَدَالَتُهُمْ".

Bermaksud : " *yang paling afdal ialah merujuk orang-orang yang soleh dikalangan mereka yang dikenali dari sudut amanah dan keadilan mereka*".

Dan dalam hal ini perlu kita ambil perhatian, walaupun perbuatan ini tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW atau tiada disertai dengan nas al-Quran atau Hadis yang menunjukkan perkara yang ditinggalkan itu haram, ia tidak boleh dijadikan sebagai hujah bagi mengharamkannya, bahkan disebaliknya, menunjukkan bahawa perbuatan itu harus untuk dilakukan. Seperti berzikir secara berjemaah pada zaman Rasulullah SAW, walaupun Rasulullah SAW tidak bersama dengan sahabat-sahabatnya dalam halaqah zikir tersebut, namun Nabi SAW tidak melarang sahabat-sahabatnya berzikir beramai-ramai.

Namun ianya boleh menjadi haram jika seseorang mempunyai keyakinan bahawa kereta, rumah, binatang dan sebagainya akan ditimpa bahaya sekiranya tidak direnjis atau dibilas dengan air ruqyah.

Selain itu, tidak perlu di"mandi"kan kereta, rumah, binatang dan sebagainya itu dengan "air bunga". Cukuplah dengan dibacakan doa-doa yang dinyatakan di atas.

Semoga dengan penjelasan yang ringkas ini, dapat memberikan kefahaman dan ilmu pengetahuan yang lebih jelas kepada semua Masyarakat. Mudah-mudahan kita semua dikurniakan oleh Allah SWT kefahaman yang baik dalam beragama.

Rujukan :

1. Al-Quran dan terjemahan.
2. Sahih muslim.
3. Al-Albani, Kitab "Adab al-Zafaf fi al-Sunnati al-Muthohharah".
4. Sunan Abi daud.
5. Darul Ifta' Misriyyah. <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3617>
6. Imam asy-Syaukani, kitab Tuhfah al-Zaakirin.
7. Ibnu Hajar al-Asqalani , kitab Fathul Bari.

8. Hasyiah Ibnu A'bidin
9. Imam al-Nafrawi, Kitab Fawaakih al-Dawani
10. Sheikh al-Buhuti, kitab al-Kasysyaaf al-Qana'
11. Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam, cetakan 2008, JAKIM.